
REPRESENTASI BERITA BANJIR DALAM *BERITA HARIAN* DAN *FREE MALAYSIA TODAY* (DISEMBER 2021 – JANUARI 2022)

Lee Tze Ee^{*1}

Universiti Sains Malaysia
tze.lee@student.usm.my

*Nik Norma Nik Hasan*²

Universiti Sains Malaysia
niknorma@usm.my

ABSTRACT

REPRESENTATION OF FLOOD NEWS IN *BERITA HARIAN* AND *FREE MALAYSIA TODAY* (DECEMBER 2021 – JANUARY 2022).

The flood disaster that hit Malaysia for three weeks from mid-December 2021 until early January 2022 was one of the worst floods to hit the country. The role of the media is very important in providing accurate news for public understanding and then helping them make decisions related to this issue. However, the media has its agenda in constructing news for the audience based on ownership, readership and revenues. Understanding the representation of flood news is vital to explore how the media helps the community to make informed decisions when facing flood disasters through its reporting. This study aims to identify the pattern, news sources and theme of flood news reporting from 17 December 2021 to 16 January 2022 by mainstream newspaper, *Berita Harian* and alternative newspaper, *Free Malaysia Today* using qualitative content analysis. News samples (N = 210) were collected from both news portals and analyzed descriptively using SPSS software. The study's findings show that *Free Malaysia Today* publishes flood news almost seven times more (87.1%) than *Berita Harian* (12.9%). Both newspapers emphasize the same theme which is assistance to the victims. All 210 news items are published with pictures and videos, most of which show the flood situation. Through the Agenda Setting Theory and Framing Theory, this study concludes that mainstream and alternative newspapers do not show significant differences in terms of ownership agenda and framing because the reporting pattern and theme are almost the same except for the frequency of reporting.

Keywords: *Berita Harian, flood, framing, Free Malaysia Today, media representation*

PENGENALAN

Bencana banjir yang melanda Malaysia selama tiga minggu pada pertengahan bulan Disember 2021 sehingga awal bulan Januari 2022 adalah antara banjir terburuk yang melanda negara. Banjir berlaku ekoran hujan lebat berterusan semasa Monsun Timur Laut sering menjejaskan negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung. Namun begitu, Lekukan Tropika 29W (*Tropical Depression 29W*) telah menyebabkan bencana banjir buruk berlaku di Pantai Barat Semenanjung. Maklumat daripada Jabatan Kebajikan Malaysia menyatakan bahawa 136,030 mangsa telah dipindahkan ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) akibat bencana banjir dan seramai 55 mangsa terkorban manakala dua mangsa masih hilang (*The Star Online*, 21 Januari 2022). Walaupun banjir sering melanda negara, isu ini sentiasa menjadi tumpuan media kerana kerap menjejaskan kehidupan masyarakat serta meragut nyawa.

Pelaporan yang tepat dan bersifat proaktif mampu membantu masyarakat terutama mereka yang sering mengalami banjir untuk membuat keputusan dalam mendepaninya. Peranan media penting, terutama dalam isu bencana alam. Kajian lalu berkenaan persuratkhabaran atau berita portal di Malaysia banyak tertumpu pada pemberitaan isu politik (Lumsden, 2013; Azlina, 2016; Selvanathan & Lickel, 2020) berbanding genre lain termasuk bencana alam. Kajian pelaporan berita mengenai bencana alam pula banyak memberikan penumpuan pada kandungan, tema dan corak pelaporan berita serta menggunakan pelbagai jenis kaedah seperti analisis kandungan (Stomberg, 2012; Jamilah & Habibah, 2016), analisis wacana (Solman & Henderson, 2019) dan analisis peminangan (Abu Naser, 2020). Walaupun terdapat beberapa kajian lalu mengenai bencana alam telah dibuat, kajian secara spesifik terhadap banjir di Malaysia dalam satu tempoh tertentu serta perbandingan antara media arus perdana dan media alternatif masih boleh dimajukan lagi.

Media arus perdana cenderung mencerminkan kepentingan kumpulan dominan termasuk kerajaan dan syarikat besar, manakala media alternatif dikatakan cenderung mencerminkan kepentingan kumpulan terpinggir dalam masyarakat termasuk mereka yang mencari perubahan sosial dan mencabar *status quo* (Selvanathan & Lickel, 2020). Rahim (2001) dan Azlina (2016) berpendapat kedua-dua aliran media tersebut mempunyai perbezaan dalam pelaporan berita dari segi penumpuan isu. Mereka juga menyatakan bahawa apabila rakyat Malaysia mula membandingkan maklumat daripada media arus perdana dengan media alternatif dalam talian, ramai rakyat merasakan bahawa mereka telah diperdayakan dan mula hilang kepercayaan kepada media rasmi (Rahim, 2001 dalam Azlina, 2016). Justeru, kajian ini dijalankan untuk membandingkan bagaimana berita banjir dipresentasikan oleh kedua-dua media, iaitu *Free Malaysia Today* dan *Berita Harian*. Berdasarkan permasalahan kajian yang telah dikemukakan, beberapa soalan kajian dibentuk, iaitu (1) Apakah corak pelaporan berita oleh *Berita Harian* dan *Free Malaysia Today* mengenai bencana banjir 2021-2022 di Malaysia? (2) Apakah tema pelaporan berita oleh *Berita Harian* dan *Free Malaysia Today* mengenai bencana banjir 2021-2022 di Malaysia? (3) Apakah sumber berita yang digunakan oleh *Berita Harian* dan *Free Malaysia Today* mengenai bencana banjir 2021-2022 di Malaysia?

KAJIAN LITERATUR

Berita alam sekitar

Emenyeonu (2018) mendefinisikan berita alam sekitar sebagai semua cerita mengenai hal-hal alam sekitar dan bukan hanya liputan berasaskan isu. Menurut Emenyeonu (2018), berita alam sekitar merupakan sebarang kandungan alam sekitar yang berkaitan dengan kejadian

semula jadi seperti letusan gunung berapi, banjir, gempa bumi dan pengaruh manusia terhadap alam sekitar. Pelaporan alam sekitar juga bukan hanya melaporkan amalan, isu dan trend semasa tetapi kesan alam sekitar dalam bidang sosial dan politik (Kaul, 2017). Berita alam sekitar memerlukan lensa pada aktiviti dan pengawalan kerajaan kerana masyarakat melihat perlindungan alam sekitar menerusi tindakan kerajaan (Terracina-Hartman, 2019).

Berita alam sekitar juga harus dilihat sebagai teknikal, rumit, pluralistik, saling berkait, pelbagai disiplin serta terdiri daripada data saintifik, data kuantitatif dan data kualitatif (Emenyeonu, 2018). Malahan, Emenyeonu (2018) menyatakan bahawa kandungan mengenai alam sekitar dikritik kerana wartawan mempermudah isu serta melaporkannya sebagai berita langsung (*straight news*) dan bukan liputan berita penyiasatan atau secara mendalam. Kelemahan ini adalah akibat daripada adaptasi kaedah tradisional liputan berita (struktur piramid terbalik, had ruang, tekanan tarikh akhir) yang tidak sesuai dalam penulisan alam sekitar (Emenyeonu, 2018). Pelaporan berita alam sekitar juga dikritik kerana terdedah pada pendapat peribadi, bersifat berat sebelah dan tidak analitikal (Teklesilassie, 2015; John & Jonjua, 2018).

Menurut Emenyeonu (2018) lagi, liputan berita alam sekitar boleh dikatakan reaktif dan bukannya proaktif kerana isu alam sekitar dilaporkan berdasarkan peristiwa dan selepas peristiwa tersebut berlaku. Terdapat kekurangan percubaan untuk melakukan ramalan alam sekitar untuk mengelakkan peristiwa berbahaya sebelum ia berlaku. Kajian yang dijalankan oleh Hasan dan Dutta (2019) mendapati bahawa kebanyakan media cetak tempatan Chattogram, Bangladesh lebih minat membuat liputan isu alam sekitar berdasarkan peristiwa berbanding dengan penyiasatan mendalam, pelaporan mendalam, analisis, ulasan dan susulan. Pelaporan isu alam sekitar berdasarkan peristiwa oleh wartawan adalah disebabkan oleh kekurangan pengetahuan tentang isu alam sekitar (John & Jonjua, 2018).

Alam sekitar dan peranan media

Media memainkan peranan utama dalam membentuk sikap, tingkah laku dan persepsi orang awam terhadap alam sekitar dengan menyampaikan maklumat alam sekitar yang relevan kepada masyarakat umum (Kaul, 2017; John & Jonjua, 2018). Media berperanan dalam mendefinisikan alam sekitar dan isu berkaitan alam sekitar serta menyebarkan maklumat tentang isu alam sekitar kepada orang ramai (Kaul, 2017; Thirumalaiah & Aram, 2017). Selain itu, media perlu menyebarkan berita alam sekitar yang boleh mewujudkan kesedaran alam sekitar di kalangan masyarakat umum dan menggalakkan penyertaan orang ramai dalam isu pemuliharaannya (Kaul, 2017; Pegu, 2017; John & Jonjua, 2018) dan membolehkan orang ramai mengetahui cara pihak berkuasa bertindak balas dan tindakan yang perlu diambil untuk melindungi diri daripada masalah alam sekitar (Boyagoda, 2016). Oleh itu, media perlu memainkan peranan *watchdog* alam sekitar dengan memantau pesalah dan berkomunikasi dengan masyarakat umum (Kaul, 2017).

Apabila bencana berlaku, media bertanggungjawab menyampaikan amaran, memberikan penerangan tentang situasi yang berlaku, menyumbang kepada pemulihan komuniti serta memupuk daya tahan dalam kalangan komuniti (Houston, Pfefferbaum & Rosenholtz, 2012; Houston et. al., 2019). Menurut Sreedharan, Thorsen, dan Sharma (2019), media berita berperanan penting dalam mendidik masyarakat dan mempromosi kesedaran tentang tugas sivik mereka untuk membantu mencegah dan mengurangkan impak bencana. Media turut mempunyai tanggungjawab untuk menyampaikan maklumat dan pengetahuan

yang diperlukan oleh rakyat untuk mengharungi bencana dan mencegah kemudaratan (Houston et al., 2019; Sreedharan et al., 2019).

Seterusnya, pelaporan berita bencana alam memainkan peranan penting dalam memaklumkan masyarakat tentang situasi semasa dan tindakan yang harus diambil oleh rakyat. Hal ini sekali gus mempengaruhi sumbangan dan bantuan kemanusiaan yang diperoleh oleh mangsa (Yan & Bissell, 2018). Media juga boleh meningkatkan kesedaran masyarakat dan menyediakan garis panduan tentang bagaimana orang ramai boleh membantu dalam komuniti setempat mereka (Jamilah & Habibah, 2016).

Menurut Kaul (2017), terdapat banyak kajian analisis kualitatif dan kuantitatif mengenai liputan media tentang isu alam sekitar yang menunjukkan peningkatan atau penurunan perhatian media terhadap isu alam sekitar. Thirumalaiah dan Aram (2017) menyatakan bahawa kuantiti liputan alam sekitar dalam akhbar semakin meningkat sejak kebelakangan ini. Sebaliknya, Pegu (2017) berpendapat bahawa terdapat kekurangan liputan alam sekitar di media. Kenyataan Pegu (2017) disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Boyagoda (2016) dan Ferdous dan Khatun (2020) mengenai liputan berita tentang isu alam sekitar. Boyagoda (2016) dan Ferdous dan Khatun (2020) mendapati bahawa walaupun akhbar membuat liputan isu alam sekitar, tetapi jumlah liputan tidak memuaskan. Tahap kepentingan yang diberikan kepada isu alam sekitar adalah rendah dan peristiwa alam sekitar yang penting telah diabaikan. Selain itu, liputan isu alam sekitar hanya melaporkan susulan daripada kejadian dan kebanyakan berita dilaporkan tanpa analisis yang mendalam.

Media arus perdana dan media alternatif

Kebanyakan media arus perdana berada di bawah pengawalan parti pemerintah atau ahli korporat yang mempunyai hubungan erat dengan parti pemerintah (Jamilah & Habibah, 2016; Ang, & Thock, 2017). Di Malaysia, pemilikan akhbar tidak boleh dipisahkan daripada ahli politik serta ahli perniagaan yang biasanya mempunyai hubungan dengan pemimpin dan kumpulan politik. Hubungan tersebut secara langsung memberi kesan kepada kebebasan akhbar dan cara akhbar menetapkan polisi dan agenda, serta membingkai isu berita tertentu (Jamilah & Habibah, 2016). Di negara separa demokrasi seperti Malaysia, kerajaan yang memerintah boleh mengeksploitasi media arus perdana untuk memupuk sokongan orang ramai terhadap sistem politik, melemahkan kebebasan bersuara, dan menyekat perbezaan pendapat (Selvanathan & Lickel, 2020). Kebebasan berita media arus perdana juga dikawal secara rapi dan ketat oleh kerajaan Malaysia (Ang & Thock, 2017).

Media alternatif pula ialah akhbar yang membuat liputan berita yang tidak dilaporkan oleh media arus perdana (Azlina, 2016). Ang dan Thock (2017) menyatakan bahawa media alternatif melaporkan berita daripada sudut yang berbeza berbanding dengan media arus perdana. Media alternatif menyediakan satu ruang tambahan kepada masyarakat untuk mendapatkan berita yang dikendalikan secara berbeza berbanding dengan media arus perdana. Saluran media alternatif cenderung dimiliki oleh kumpulan atau organisasi yang bebas dan tiada hubungan dengan kerajaan yang memerintah (Selvanathan & Lickel, 2020). Namun begitu, media alternatif dikawal oleh pihak berkepentingan. Beberapa platform media alternatif menerima sumbangan besar atau bantuan kewangan daripada pihak berkepentingan untuk mempengaruhi naratif tertentu (Onguny, 2019).

Malahan, akhbar dalam talian seperti *Free Malaysia Today* edisi Melayu lebih berani dalam liputan berita mereka dan bersaing dengan akhbar tradisional yang juga mempunyai

platform dalam talian (Muhamad, Shafizan, & Kamaruzzaman, 2019). Menurut Lumsden (2013), editor *Malaysiakini*, *The Malaysian Insider*, dan *Free Malaysia Today* berbangga dengan kebebasan dan peranan kewartawanan mereka sebagai *watchdogs* kerajaan. Mereka mendakwa peranan tersebut telah mengecualikan media arus perdana serta media cetak dan stesen penyiaran berita yang dikuasai oleh kerajaan (Lumsden, 2013). Bagaimanapun, kajian ini menghujahkan bahawa media alternatif tidak terkecuali dengan pihak berkepentingan yang mengawal mereka serta menyumbang bantuan kewangan. Pemilikan media dalam format ini juga boleh mempengaruhi isi kandungan media keluaran mereka.

Teori Penentuan Agenda dan Teori Pembingkai

Teori Penentuan Agenda mencadangkan bahawa media menetapkan agenda publik dengan memberitahu apa yang harus difikirkan (Freeland, 2012). Terdapat dua andaian asas dalam Teori Penentuan Agenda. Pertama, akhbar dan media tidak mencerminkan realiti tetapi menapis dan membentuk realiti. Kedua, penumpuan dan penekanan media terhadap beberapa isu dan subjek menyebabkan orang ramai menganggap isu tersebut lebih penting daripada isu lain (*ibid*, 2012). Menurut McCombs dan Shaw (1972), hipotesis penentuan agenda menyatakan bahawa peningkatan kepentingan sesuatu topik atau isu dalam media massa mempengaruhi kepentingan topik atau isu tersebut di kalangan orang ramai. Apabila media massa mengutamakan, kerap dan berulang kali membuat liputan sesuatu topik, maka orang ramai cenderung menganggap topik tersebut adalah penting (Freeland, 2012; Kassed & Mustaffa, 2017; Muhamad et al., 2019). Dengan demikian, agenda media mempengaruhi agenda publik dengan memberi impak kepada persepsi orang ramai mengenai isu yang patut diberikan perhatian dan kepentingan isu tersebut.

Di samping itu, aspek utama Teori Pembingkai ialah cara topik berita atau peristiwa diterangkan serta tafsiran khalayak terhadap berita tersebut (Ardèvol-Abreu, 2015). Teori ini juga digunakan untuk memahami bagaimana pembentangan sesuatu isu membentuk pendapat umum (Govindaraju, Sahadevan, & Tan, 2019). Pembingkai ditakrifkan sebagai satu proses beberapa aspek realiti dipilih dan diberi penekanan atau kepentingan supaya masalah ditakrifkan, puncanya dikenal pasti serta pertimbangan moral, penyelesaian dan tindakan yang sesuai dicadangkan (Ardèvol-Abreu, 2015). Berdasarkan kajian dahulu, faktor yang berpotensi dalam mempengaruhi cara wartawan membingkai isu tertentu adalah norma dan nilai sosial, tekanan dan kekangan organisasi, tekanan kumpulan berkepentingan, rutin kewartawanan dan orientasi ideologi atau politik wartawan (Scheufele, 1999).

Berita sebagai tingkap yang bingkainya menghadkan persepsi realiti yang berbeza dan memfokuskan pada bahagian tertentu menyebabkan beberapa aspek realiti dalam berita lebih menonjol daripada yang lain (Ardèvol-Abreu, 2015). Realiti sosial boleh dibina oleh media sehingga membentuk pendapat umum. Keputusan yang dibuat oleh wartawan tentang cara membuat liputan berita melalui perkataan, imej dan perspektif yang diketengahkan boleh menggambarkan isu atau peristiwa yang sama dengan cara yang berbeza (Selvanathan & Lickel, 2020).

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan teknik persampelan bertujuan dan sampel berita dikumpul daripada akhbar arus perdana, iaitu *Berita Harian* dan akhbar alternatif, iaitu *Free Malaysia Today* versi

Bahasa Melayu. *Berita Harian* dipilih kerana akhbar ini ialah akhbar arus perdana Bahasa Melayu yang paling banyak dibaca dan diedarkan (Sedu & Nurazzura, 2017) manakala *Free Malaysia Today* adalah antara akhbar dalam talian teratas untuk pembacaan menurut Laporan Berita Digital Reuters Institute 2019 (Nain, 2022). Tempoh kajian ialah daripada 17 Disember 2021 hingga 16 Januari 2022. Tempoh ini dipilih kerana impak bencana banjir yang paling besar berlaku sepanjang tempoh tersebut. Data diperoleh menerusi carian menggunakan kata kunci di ruangan carian berita portal *Berita Harian* dan *Free Malaysia Today*. Dalam kajian ini, kata kunci yang digunakan dalam carian adalah ‘banjir’, ‘banjir 2021’ dan ‘banjir 2022’. Prosedur pensampelan sistematik digunakan, iaitu sampel dicari selang sehari dan sebanyak 210 sampel berita telah diperoleh iaitu sebanyak 27 sampel berita dari *Berita Harian* dan 183 sampel berita dari *Free Malaysia Today*.

Pengkaji menggunakan kaedah analisis isi kandungan kualitatif kerana ia melibatkan interpretasi mesej komunikasi secara teliti, terperinci dan sistematik dalam usaha untuk mengenal pasti corak, tema, andaian dan makna. Analisis isi kandungan merangkumi proses analisis sampel berita bagi mengenal pasti pemboleh ubah melalui lembar koding. Kajian ini menggunakan kaedah pengekodan priori semasa membangunkan lembar koding dengan menyesuaikan pemboleh ubah daripada kajian lepas sambil mengenal pasti pemboleh ubah baharu yang lain. Pengekodan priori adalah salah satu cara untuk membina kategori pengekodan untuk analisis isi kandungan dengan menetapkan kategori sebelum pengumpulan data, berdasarkan rasional teori atau konseptual (Wimmer & Dominick, 2011). Lembar koding yang telah dibina mempunyai sebanyak 14 kategori pemboleh ubah.

Setiap pemboleh ubah juga mempunyai nilai yang berbeza. Nilai tersebut dikodkan oleh pengkaji ke dalam borang koding. Data-data yang dikodkan diklasifikasikan mengikut pemboleh ubah. Sebelum keseluruhan data dianalisis, pengkaji melakukan pra uji terhadap borang koding. Data sebenar yang diperoleh dianalisis menggunakan statistik deskriptif dalam perisian SPSS kerana dapat meringkaskan data dan membantu pengkaji untuk melihat trend dan corak bagi mencapai objektif kajian. Bagi menjawab objektif kajian, pengkaji melakukan penjadualan silang (*cross-tabulation*) di antara beberapa pemboleh ubah untuk mengkaji data yang didapati.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN Corak Pelaporan Berita Banjir

Jadual 1: Frekuensi berita oleh *Berita Harian* dan *Free Malaysia Today*

	Frekuensi	Peratus Sah
<i>Berita Harian</i>	27	12.9
<i>Free Malaysia Today</i>	183	87.1
Jumlah	210	100.0

Berdasarkan Jadual 1, sebanyak 27 berita (12.9%) telah direkodkan dari *Berita Harian* manakala 183 berita (87.1%) telah dikumpulkan dari *Free Malaysia Today*. Jadual menunjukkan bahawa *Free Malaysia Today* menerbitkan berita banjir hampir tujuh kali ganda lebih banyak dari *Berita Harian*. Pelaporan berita bencana banjir yang banyak oleh *Free Malaysia Today* boleh membantu masyarakat memahami isu semasa bencana banjir, meningkatkan kesedaran dan

menambah ilmu pengetahuan mereka. Sikap orang awam terhadap alam sekitar dibentuk oleh sejauh mana perhatian (jumlah liputan) yang difokuskan oleh media terhadap isu alam sekitar (Emenyeonu, 2018). Menurut Pegu (2017), jumlah liputan isu alam sekitar yang banyak diperlukan untuk memupuk pemahaman yang lebih luas serta penerimaan dan penghargaan laporan alam sekitar di kalangan masyarakat umum. Walaupun banjir pada tahun akhir 2021 hingga awal 2022 adalah sangat serius tapi tidak banyak berita dilaporkan oleh *Berita Harian* seperti yang dinyatakan oleh beberapa pengkaji terdahulu (Pegu, 2017; Boyagoda, 2016, Ferdaus dan Khatun, 2020). Tahap kepentingan yang diberikan kepada isu alam sekitar adalah rendah. Mereka merumuskan peristiwa dan isu alam sekitar yang penting telah diabaikan. Pegu (2017) menyatakan bahawa liputan alam sekitar di media adalah kecil berdasarkan andaian bahawa terdapat kekurangan minat daripada audiens kerana berita alam sekitar sukar difahami.

Jadual 2: Penjadualan silang antara inklusi dan berita portal

		<i>Berita Harian</i>	<i>Free Malaysia Today</i>	Jumlah
Inklusi	Gambar	25 11.9%	183 87.1%	208 99.0%
	Video	2 1.0%	0 0.0%	2 1.0%
Jumlah		27 12.9%	183 87.1%	210 100.0%

Inklusi mewakili lampiran yang disertakan bersama berita seperti gambar, video, infografik dan graf. Ia menggambarkan kepentingan sesuatu berita kerana maklumat tambahan dan ruang lebih besar diberikan kepada satu-satu berita yang diterbitkan. Jadual 2 menunjukkan bahawa kesemua sampel berita yang diperoleh diterbitkan bersama inklusi. Terdapat 25 dari 27 berita terbitan *Berita Harian* mengandungi gambar (11.9%). Lebih 2 berita (1%) lagi disertai dengan video. Kesemua 183 berita daripada *Free Malaysia Today* menggunakan gambar (87.1%). Hal ini mencadangkan bahawa berita bencana banjir diletakkan sebagai penting oleh kedua-dua portal berita dengan memberikan maklumat tambahan seperti gambar dan video bagi pemahaman publik. Media mempunyai tanggungjawab untuk menyampaikan maklumat dan pengetahuan yang diperlukan oleh rakyat untuk mengharungi bencana dan mencegah kemudaratan (Houston et al., 2019; Sreedharan et al., 2019). Selain gambar dan video, inklusi dalam bentuk infografik dan graf tidak disertakan. Dalam hal ini boleh dikatakan media lebih cenderung menggunakan visual untuk memberi pemahaman publik mengenai isu banjir.

Jadual 3: Penjadualan silang antara fokus gambar dan berita portal

		<i>Berita Harian</i>	<i>Free Malaysia Today</i>	Jumlah
Gambar	Situasi	13 6.3%	68 32.7%	81 38.9%
	Individu (sumber berita)	1 0.5%	29 13.9%	30 14.4%
	Mangsa berita	4 1.9%	33 15.9%	37 17.8%
	Masyarakat	1 0.5%	3 1.4%	4 1.9%
	Pusat Pemindahan Sementara (PPS)	0 0.0%	17 8.2%	17 8.2%
	Kerosakan harta benda/ infrastruktur	0 0.0%	11 5.3%	11 5.3%
	Sidang media	1 0.5%	5 2.4%	6 2.9%
	Gambar hiasan	5 2.4%	14 6.7%	19 9.1%
	Lain-lain	0 0.0%	3 1.4%	3 1.4%
	Jumlah	25 12.0%	183 88.0%	208 100.0%

Berdasarkan Jadual 3, fokus gambar berita banjir tertumpu pada situasi banjir dengan kekerapan tertinggi iaitu 6.3% (13 kali). Gambar individu (sumber berita), gambar masyarakat dan gambar sidang media mempunyai kekerapan terendah iaitu masing-masing sebanyak 0.5% (1). Bagi *Free Malaysia Today* pula, gambar situasi mempunyai kekerapan tertinggi iaitu 32.7% (68 kali). Gambar masyarakat dan gambar lain-lain mempunyai kekerapan terendah dalam *Free Malaysia Today* iaitu masing-masing sebanyak 1.4% (3 kali).

Jadi boleh dirumuskan bahawa *Berita Harian* dan *Free Malaysia Today* mempunyai persamaan dari segi penggunaan gambar. Kebanyakan sampel berita banjir oleh kedua-dua berita portal tersebut menggunakan gambar situasi dan gambar mangsa banjir. Gambar situasi cenderung digunakan untuk menggambarkan keadaan bencana banjir di sesuatu kawasan yang terjejas. Gambar mangsa banjir pula cenderung digunakan untuk mendapat simpati rakyat. Teori Pembingkai boleh diaplikasikan untuk memahami pembingkai berita bencana banjir menerusi corak penggunaan gambar oleh *Berita Harian* dan *Free Malaysia Today*. Keputusan yang dibuat oleh wartawan tentang cara membuat liputan berita melalui imej yang diketengahkan boleh menggambarkan isu atau peristiwa yang sama dengan cara yang berbeza (Selvanathan & Lickel, 2020).

Cara berita bencana dilaporkan bukan sahaja boleh mempengaruhi cara orang mentafsir berita tetapi juga kesanggupan individu untuk membantu rakyat yang terjejas semasa bencana (Jamilah & Habibah, 2016; Yan & Bissell, 2018). Hal ini sekali gus mempengaruhi sumbangan dan bantuan kemanusiaan yang diperoleh oleh mangsa (Yan & Bissell, 2018). Lebih banyak bantuan akan dihulurkan jika media membingkai sesuatu kawasan bencana mempunyai impak yang besar termasuk kadar kematian yang tinggi dan kerosakan di kawasan yang terjejas (Stomberg, 2012). Justeru, gambar situasi yang digunakan dapat membantu mangsa banjir dalam menerima bantuan dan sumbangan daripada orang ramai.

Sumber Berita Banjir

Jadual 4: Frekuensi sumber utama

	Frekuensi	Peratus	Peratus Sah	Peratus Kumulatif
Perdana Menteri	10	4.8	4.8	4.8
Jabatan/Agensi Kerajaan	107	51.0	51.0	55.8
Kerajaan Negeri	12	5.7	5.7	61.4
Ahli Politik	23	11.0	11.0	72.4
Ahli Akademik	5	2.4	2.4	74.8
Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)	5	2.4	2.4	77.1
Mangsa Banjir	19	9.0	9.0	86.2
Masyarakat	20	9.5	9.5	95.7
Media Akhbar (Kurasi Berita)	1	0.5	0.5	96.2
Lain-lain	8	3.8	3.8	100.0
Jumlah	210	100.0	100.0	

Sumber berita sangat penting untuk menerangkan sesuatu kejadian atau tindakan terhadap kejadian tersebut. Sumber berita alam sekitar perlu bersifat kredibel kerana dalam situasi bencana kepercayaan masyarakat terhadap punca berita sangat penting (Jamilah & Habibah, 2016). Merujuk kepada Jadual 4, jabatan atau agensi kerajaan mempunyai kekerapan tertinggi sebagai sumber utama iaitu sebanyak 107 kali (51%) diikuti oleh ahli politik sebanyak 23 kali (11%) dan masyarakat sebanyak 20 kali (9.5%) yang mana angkanya agak hampir dengan mangsa banjir digunakan sebagai sumber utama iaitu sebanyak 19 kali (9%). Kedua-dua sumber, masyarakat dan mangsa, yang mengalami atau terjejas dengan situasi banjir diletakkan sebagai pelengkap berita berbanding dengan agensi kerajaan yang menjadi nadi utama kandungan berita. Hal ini mungkin disebabkan berita bencana banjir bersifat berita peristiwa yang memerlukan maklumat tentang tindakan seterusnya dari pihak kerajaan, berbanding apa yang telah berlaku.

Kejadian banjir di Malaysia seringkali tertumpu kepada beberapa negeri terutama Kelantan dan Terengganu. Bagaimana pun dalam berita banjir ini, kerajaan negeri hanya dijadikan sumber sebanyak 12 kali sahaja (5.7%), hampir sama jumlahnya dengan Perdana

Menteri iaitu 10 kali (4.8%). Penggunaan Perdana Menteri sebagai sumber mencadangkan bahawa impak banjir ini adalah di tahap serius dan rakyat Malaysia perlu dimaklumkan serta dilindungi. Walau bagaimanapun, ahli akademik dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mempunyai kekerapan yang kecil iaitu sebanyak 5 kali (2.4%) sahaja. Peranan NGO yang seringkali dikaitkan dengan perjuangan untuk rakyat tidak terlalu digunakan pendapat mereka dalam isu banjir ini. Dari segi maklumat penyelesaian banjir melalui data kajian, pendapat ahli akademik juga adalah rendah.

Jadual 5: Frekuensi sumber kedua

	Frekuensi	Peratus	Peratus Sah	Peratus Kumulatif
Perdana Menteri	2	1.0	1.0	1.0
Jabatan/Agensi Kerajaan	10	4.3	4.7	5.7
Kerajaan Negeri	7	3.3	3.3	9.0
Ahli Politik	4	1.9	1.9	11.0
Ahli Akademik	1	0.5	0.5	11.4
Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)	1	0.5	0.5	11.9
Mangsa Banjir	4	1.9	1.9	13.8
Media Akhbar (Kurasi Berita)	4	1.9	1.9	15.7
Lain-lain	1	0.5	0.5	16.2
Tiada	176	83.8	83.8	100.0
Jumlah	210	100.0	100.0	

Bilangan sumber dalam berita mampu memberikan perspektif yang berbeza dan seimbang kepada masyarakat. Berdasarkan Jadual 5, majoriti berita juga hanya menggunakan satu sumber sahaja iaitu sebanyak 176 berita (83.8%). Apabila pelaporan berita tidak menggunakan sumber lain, pemahaman orang ramai tentang isu bencana banjir dan kesahihan maklumat yang disampaikan dalam berita akan berkurang. Liputan isu alam sekitar dari perspektif yang lebih luas boleh menyumbang kepada tahap pemahaman individu tentang isu alam sekitar (Pegu, 2017). Jabatan atau agensi kerajaan digunakan sebagai sumber kedua sebanyak 10 kali (4.3%), diikuti dengan kerajaan negeri sebanyak 7 kali (3.3%). Ini bermakna media memberi fokus kepada kerajaan, agensi dan pegawainya membuat definisi mengenai isu banjir. Mangsa banjir juga diberi ruang sebagai sumber kedua, iaitu sebanyak 4 kali (1.9%), sekali lagi kumpulan ini bertindak sebagai pelengkap berita. Berita kurasi iaitu berita yang disusun dari maklumat sedia ada juga dijadikan sumber dari berita bencana ini dengan bilangan sebanyak 4 kali (1.9%).

Berdasarkan dapatan dalam Jadual 6, corak taburan penggunaan sumber utama bagi kedua-dua akhbar adalah agak sama. Kedua-duanya menggunakan jabatan atau agensi kerajaan sebagai sumber utama berita bencana banjir dengan catatan kekerapan tertinggi sebanyak 13 kali (6.2%) bagi *Berita Harian* dan *Free Malaysia Today* dengan sebanyak 92 kali (43.8%). Dalam kategori kedua, kumpulan yang berkait dengan kerajaan juga digunakan. Mereka adalah Ahli Politik, Kerajaan Negeri dan Perdana Menteri. Corak ini memberi indikasi bahawa walaupun kedua-dua akhbar mempunyai format pemilikan yang berlainan,

namun mereka masih merujuk kepada kerajaan dan agensi yang berkaitan dengan kerajaan sebagai sumber utama berita banjir. Hal ini bertentangan dengan pendapat pengkaji yang terdahulu yang mengatakan bahawa media arus perdana (*Berita Harian*) lebih mengambil kira suara golongan dominan termasuk kerajaan, manakala media alternatif seperti *Free Malaysia Today* cenderung menonjolkan kepentingan kumpulan terpinggir dalam masyarakat (Couldry & Curran, 2003; Selvanathan & Lickel, 2020). Justeru, pendapat pengkaji-pengkaji boleh disangkal dalam konteks kajian ini. Penggunaan jabatan atau agensi kerajaan juga mungkin terkait dengan kredibiliti yang tinggi. Dengan itu, masyarakat akan mempercayai dan menerima maklumat yang disampaikan oleh jabatan atau agensi kerajaan.

Jadual 6: Penjadualan silang antara sumber utama dan berita portal

	<i>Berita Harian</i>	<i>Free Malaysia Today</i>	Jumlah	
Sumber Utama	1	9	10	
	Perdana Menteri	0.5%	4.3%	4.8%
	13	94	105	
	Jabatan/Agensi Kerajaan	6.2%	44.8%	50.0%
	2	10	12	
	Kerajaan Negeri	1.0%	4.8%	5.7%
	4	19	23	
	Ahli Politik	1.9%	9.0%	11.0%
	1	4	5	
	Ahli Akademik	0.5%	1.9%	2.4%
	1	4	5	
	Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)	0.5%	1.9%	2.4%
	1	18	19	
	Mangsa Banjir	0.5%	8.6%	9.0%
2	18	20		
Masyarakat	1.0%	8.6%	9.5%	
0	1	1		
Media Akhbar (Kurasi Berita)	0.0%	0.5%	0.5%	
2	6	8		
Lain-lain	1.0%	2.9%	3.8%	
Jumlah	27	183	210	
	12.9%	87.1%	100.0%	

Kepercayaan pada sumber adalah penting kerana orang ramai cenderung menggunakan kepercayaan sebagai cara untuk menentukan sama ada mereka harus menerima maklumat yang disampaikan (Wilkins, Miller, Tilak, & Schuster, 2018). Khalayak sering menggunakan kredibiliti komunikator untuk memutuskan sama ada untuk menerima mesej komunikatif

(Brewer & Ley, 2013). Menurut Wilkins et al. (2018), apabila kredibiliti sumber mesej adalah tinggi, ini boleh memberi impak positif kepada kepercayaan seseorang terhadap sumber tersebut. Sebaliknya, apabila kredibiliti sumber itu adalah rendah, ia boleh menjejaskan tahap kepercayaan seseorang terhadap sumber tersebut (Wilkins et al., 2018). Jika seseorang tidak mempercayai asal usul maklumat, mereka mempunyai kesukaran menerima dan mempercayai maklumat yang disampaikan (*ibid*, 2018).

Malahan, dapatan kajian dalam Jadual 6 menyokong dapatan kajian Jamilah dan Habibah (2016) mengenai analisis liputan berita bencana tanah runtuh dalam akhbar tempatan. Kajian mereka mendapati bahawa kedua-dua akhbar, *The Star* dan *Utusan Malaysia* banyak bergantung pada pegawai kerajaan sebagai sumber utama dalam laporan mengenai bencana tanah runtuh.

Namun begitu, terdapat kekurangan dalam jumlah penggunaan sumber alternatif seperti ahli akademik (2.4%) dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) (2.4%). Pelaporan alam sekitar yang tidak konsisten dan tidak sistematik menyebabkan wartawan perlu bekerjasama dengan pihak berkepentingan alam sekitar seperti saintis, ahli akademik, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan lain-lain untuk meningkatkan sumber maklumat yang boleh dipercayai (Yang, 2008 dalam Kaul, 2017).

Tema Berita Banjir

Dari segi tema, terdapat 16 tema daripada berita yang dikaji. Jadual 7 menunjukkan kekerapan yang berserak tanpa ada satu kekerapan yang menonjol. Pelaporan mengenai 'bantuan kepada mangsa banjir' merupakan tema dengan kekerapan tertinggi bagi kedua-dua akhbar. *Berita Harian* melaporkan sebanyak 7 kali (3.3%) dan *Free Malaysia Today* sebanyak 32 kali (15.2%).

Bagi *Berita Harian*, tema yang diliput secara sederhana ialah bantuan kepada mangsa banjir sebanyak 7 kali serta statistik mangsa banjir dan impak banjir masing-masing 4 kali. Oleh kerana jumlah sampel *Berita Harian* adalah kecil, corak tema lebih jelas berbanding *Free Malaysia Today*. Selain bantuan kepada mangsa banjir, *Free Malaysia Today* juga banyak melaporkan mengenai statistik mangsa banjir (30 kali) dan tema kemanusiaan (24 kali). *Free Malaysia Today* menggunakan tema kemanusiaan kerana boleh mendapat simpati orang ramai dan sekali gus meningkatkan bantuan serta sumbangan kepada mangsa banjir. Menurut Ajaero dan Anorue (2018) **they have to be mechanically air-conditioned to achieve the required thermal comfort for worshippers especially in harsh climatic regions. This paper describes the physical and operating characteristics typical for the intermittently occupied mosques as well as the results of the thermal optimization of a medium size mosque in the two hot-dry and hot-humid Saudi Arabian cities of Riyadh and Jeddah. The analysis utilizes a direct search optimization technique that is coupled to an hourly energy simulation program. Based on that, design guidelines are presented for the optimum thermal performance of mosques in these two cities in addition to other design and operating factors that need to be considered for mosques in general.** © 2009 The Author(s), editor organisasi berita boleh menjadikan berita alam sekitar lebih menarik dengan membingkai berita untuk mencerminkan sudut kemanusiaan. Peningkatan media yang tertumpu pada kisah peribadi individu membantu memajukan keperluan kumpulan yang terkesan akibat bencana (Parida, Moses, & Rahaman, 2021). Tiada liputan tema kemanusiaan yang dibuat oleh *Berita Harian*.

Jadual 7: Penjadualan silang antara tema dan berita portal

	<i>Berita Harian</i>	<i>Free Malaysia Today</i>	Jumlah	
Tema	Bencana banjir	2 1.0%	9 4.3%	11 5.2%
	Amaran banjir	4 1.9%	3 1.4%	7 3.3%
	Keselamatan	1 0.5%	1 0.5%	2 1.0%
	Kesihatan	0 0.0%	4 1.9%	4 1.9%
	Bantuan kepada mangsa banjir	7 3.3%	32 15.2%	39 18.6%
	Infrastruktur	2 1.0%	12 5.7%	14 6.7%
	Kematian	0 0.0%	9 4.3%	9 4.3%
	Statistik mangsa banjir	4 1.9%	30 14.3%	34 16.2%
	Impak banjir (Politik, Ekonomi, Sosial)	4 1.9%	14 6.7%	18 8.6%
	Kaedah mengatasi isu banjir	1 0.5%	5 2.4%	6 2.9%
	Usaha pemulihan banjir	0 0.0%	9 4.3%	9 4.3%
	Punca banjir	0 0.0%	5 2.4%	5 2.4%
	Kemanusiaan	0 0.0%	24 11.4%	24 11.4%
	Kritikan terhadap kerajaan	1 0.5%	18 8.6%	19 9.0%
	Jenayah	0 0.0%	6 2.9%	6 2.9%
	Lain-lain	1 0.5%	2 1.0%	3 1.4%
	Jumlah	27 12.9%	183 87.1%	210 100.0%

Dalam kekerapan yang sederhana iaitu sebanyak 18 kali, *Free Malaysia Today* juga melaporkan mengenai kritikan terhadap kerajaan yang mana *Berita Harian* menerbitkan hanya sekali. Hal ini sesuai bagi media alternatif seperti *Free Malaysia Today* yang menyifatkan diri mereka sebagai *watchdogs* kerajaan (Lumsden, 2013). Dalam isu alam sekitar, media mesti membolehkan masyarakat tahu cara pihak berkuasa bertindak terhadap isu yang dihadapi (Boyagoda, 2016) dengan memantau pesalah dan berkomunikasi dengan masyarakat umum (Kaul, 2017). Manakala bagi *Berita Harian*, peranan lebih tertumpu kepada menjaga kepentingan kerajaan (Ang & Thock, 2017).

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa *Berita Harian* dan *Free Malaysia Today* melaksanakan peranan mereka dalam melaporkan bantuan yang telah disediakan oleh kerajaan dan pihak lain supaya mangsa banjir boleh bertindak untuk mendapatkan bantuan tersebut. Media mempunyai tanggungjawab untuk memaklumkan orang ramai tentang operasi menyelamatkan dan memberi bantuan kecemasan, kerja sokongan dan pembinaan semula (Jamilah & Habibah, 2016; Sreedharan et al., 2019). Media boleh meningkatkan kesedaran masyarakat dan menyediakan garis panduan tentang bagaimana orang ramai boleh membantu dalam komuniti setempat mereka (Jamilah & Habibah, 2016).

Selain itu, *Berita Harian* dan *Free Malaysia Today* menggunakan tema amaran banjir dan punca banjir dengan jumlah yang kecil. Boleh dikatakan *Berita Harian* dan *Free Malaysia Today* tidak dapat melaksanakan peranan mereka dalam memberikan amaran mengenai bencana kepada masyarakat serta mengesahkan punca banjir agar masyarakat dapat mendepaninya. Hal ini berlaku kerana kedua-dua akhbar menerbitkan berita peristiwa (event news) iaitu liputan selepas bencana banjir berlaku. Dapatan kajian menyokong kenyataan Emenyeonu (2018) yang mengatakan bahawa liputan berita alam sekitar boleh dikatakan bersifat reaktif dan bukannya proaktif kerana isu alam sekitar dilaporkan berdasarkan peristiwa dan selepas peristiwa tersebut berlaku. Apabila bencana berlaku, media bertanggungjawab dalam menyampaikan amaran dan memberikan penerangan tentang situasi yang berlaku (Houston et al., 2012; Houston et al., 2019).

Menerusi lensa Teori Penentuan Agenda, penumpuan dan penekanan media berita terhadap beberapa topik mengenai bencana banjir pada Disember 2021 hingga Januari 2022 menyebabkan masyarakat menganggap topik tersebut lebih penting berbanding dengan topik lain. Dengan itu, agenda media mampu mempengaruhi agenda publik. Perbezaan agenda antara akhbar arus perdana dan akhbar alternatif mungkin menyebabkan pembaca masing-masing mempunyai perbezaan tanggapan mengenai topik bencana banjir yang lebih penting dan patut diberikan perhatian.

Dalam konteks pelaporan berita alam sekitar, iaitu banjir, tiada perbezaan ketara dari representasi yang dipersembahkan oleh kedua-dua akhbar. Hal ini kerana berita banjir dilaporkan sebagai berita peristiwa (*event news*) dan bersifat reaktif. Peningkatan melalui sumber berita juga menunjukkan corak yang sama. Namun, terdapat sedikit perbezaan dari segi corak tema banjir yang dipersembahkan iaitu kritikan terhadap kerajaan atas bencana banjir. Perbezaan cara pelaporan berita oleh akhbar arus perdana dan akhbar alternatif akan mempengaruhi perspektif masyarakat mengenai isu bencana banjir. Secara keseluruhan, peningkatan berita bencana banjir jelas menonjolkan agenda penyelamatan dan tindakan selepas kejadian yang diambil oleh kerajaan. Hal ini yang dipersembahkan kepada masyarakat untuk difikirkan sebagai penting dan perlu diberi perhatian. Dengan demikian, media bukan sahaja memberitahu apa-apa yang masyarakat harus fikirkan, malah bagaimana untuk memikirkan tentang sesuatu isu.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Secara kesimpulannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa *Free Malaysia Today* melaporkan lebih banyak berita mengenai bencana banjir berbanding dengan *Berita Harian*. Pelaporan berita bencana banjir yang banyak oleh *Free Malaysia Today* boleh membantu masyarakat memahami isu semasa bencana banjir, meningkatkan kesedaran dan menambah ilmu pengetahuan mereka. Selain itu, *Berita Harian* dan *Free Malaysia Today* kurang dan tidak menggunakan pelbagai jenis inkulsi selain dari gambar seperti video, infografik dan tanda pagar. Hal ini mungkin akan menyebabkan masyarakat tidak dapat menerima maklumat tambahan dan menyeluruh serta pemahaman mereka mengenai isu bencana banjir menjadi terhad. Seterusnya, *Berita Harian* dan *Free Malaysia Today* paling banyak menggunakan gambar situasi kerana ia dapat membantu mangsa banjir dalam menerima bantuan dan sumbangan daripada orang ramai.

Kebanyakan berita bencana banjir oleh *Berita Harian* dan *Free Malaysia Today* menggunakan tema bantuan kepada mangsa banjir. Kedua-dua berita portal tersebut melaksanakan peranan mereka dalam melaporkan bantuan yang telah disediakan oleh kerajaan dan pihak lain supaya mangsa banjir boleh bertindak untuk mendapatkan bantuan tersebut. *Free Malaysia Today* banyak menggunakan tema kritikan terhadap kerajaan tetapi *Berita Harian* paling kurang menggunakan tema tersebut. Hal ini demikian kerana media alternatif cenderung mempunyai lebih banyak kebebasan, mencerminkan pandangan kumpulan terpinggir, dan memainkan peranan sebagai *watchdog* kerajaan. Sebaliknya, media arus perdana cenderung melaporkan berita bencana banjir sambil menjaga kepentingan kerajaan.

Tema kemanusiaan digunakan oleh *Free Malaysia* kerana ia boleh mendapatkan simpati orang ramai dan sekali gus meningkatkan bantuan dan sumbangan kepada mangsa banjir. Tema ini, bagaimana pun tidak digunakan oleh *Berita Harian*. Oleh kerana berita yang diterbitkan bersifat berita peristiwa, tema amaran banjir agak rendah digunakan dalam kedua-dua akhbar kerana beritanya lebih menumpukan kepada pelaporan selepas bencana tersebut telah berlaku.

Kajian lanjut boleh dijalankan untuk mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh wartawan dan editor serta proses penghasilan berita bencana alam dengan menggunakan kaedah temu bual mendalam. Di samping itu, kajian lanjut boleh dijalankan dengan menggunakan pelbagai akhbar arus perdana dan akhbar alternatif bahasa lain untuk mengkaji trend pelaporan berita bencana alam dengan lebih menyeluruh dan tepat. Malahan, kajian seterusnya boleh mengumpul data yang merangkumi tempoh masa yang lebih panjang agar dapatan kajian adalah lebih tepat.

RUJUKAN

- Abu Naser Mohammad Samiul Azad. (2020). *The reporting of disasters in global news media: A comparative analysis of media coverage of Hurricane Harvey and the 2017 South Asian flood* [Tampere University]. <https://trepo.tuni.fi/handle/10024/120655>
- Ajaero, I., & Anorue, L. (2018). Newspaper framing and climate change mitigation in Nigeria and Ghana. *African Population Studies*, 32(2).
- Ang, W. Y., & Thock, K. P. (2017). Kebebasan media - Fungsi dan impak media alternatif terhadap masyarakat Cina di Malaysia. *Journal of Chinese Literature And Culture*, 5(1), 50–66.

- Ardèvol-Abreu, A. (2015). Framing theory in communication research in Spain. Origins, development and current situation. *Revista Latina de Comunicación Social*, 70, 423–450. <https://doi.org/10.4185/RLCS-2015-1053en>
- Azlina Kamaruddin. (2016). The utilisation of online alternative media towards participatory democracy: A Malaysian case. *Forum Komunikasi*, 11(1), 81–112.
- Boyagoda, S. (2016). Reporting green: An exploratory study of news coverage of environmental issues in Sri Lankan newspapers. *Second Asia Pacific Conference on Contemporary Research*. www.apiar.org.au
- Brewer, P. R., & Ley, B. L. (2013). Whose science do you believe? Explaining trust in sources of scientific information about the environment. *Science Communication*, 35(1), 115–137. <https://doi.org/10.1177/1075547012441691>
- Emenyeonu, C. O. (2018). *Environmental news and the factors that influence its coverage in the Nigerian press*. Universiti Utara Malaysia.
- Ferdous, S., & Khatun, M. (2020). News coverage on environmental issues: A study on print media of Bangladesh. *IOSR Journal of Humanities and Social Science (IOSR-JHSS)*, 25(4), 53–59. <https://doi.org/10.9790/0837-2504085359>
- Freeland, A. M. (2012). *An overview of agenda setting theory in mass communications*.
- Govindaraju, G. M., Sahadevan, K. J., & Tan, P. L. (2019). Framing analysis of news coverage on renewable energy in the Star online news portal. *Journal of Engineering Science and Technology*, 14(18), 33–43.
- Hasan, S., & Dutta, P. (2019). Coverage of environmental issues in local dailies of Chattogram centering World Environment Day. *SocioEconomic Challenges*, 3(4), 63–71. [https://doi.org/10.21272/sec.3\(4\).63-71.2019](https://doi.org/10.21272/sec.3(4).63-71.2019)
- Houston, J. B., Pfefferbaum, B., & Rosenholtz, C. E. (2012). Disaster news: Framing and frame changing in coverage of major U.S. natural disasters, 2000–2010. *Journalism and Mass Communication Quarterly*, 89(4), 606–623. <https://doi.org/10.1177/1077699012456022>
- Houston, J. B., Schraedley, M. K., Worley, M. E., Reed, K., & Saidi, J. (2019). Disaster journalism: Fostering citizen and community disaster mitigation, preparedness, response, recovery, and resilience across the disaster cycle. *Disasters*, 43(3), 591–611. <https://doi.org/10.1111/disa.12352>
- Jamilah Ahmad, & Habibah Lateh. (2016). Media and the environment in Malaysia: An analysis on news coverage of landslide disaster in Kuala Lumpur. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 32(2), 525–544. <https://doi.org/10.17576/jkmjc-2016-3202-26>
- John, S. G., & Jonjua, M. (2018). Environmental reporting in Nigerian and Indian newspapers: A comparative study of factors influencing coverage. *International Journal of Creative Research Thoughts*, 6(2), 363–369.
- Kassed, H. K., & Mustaffa, C. S. (2017). Agenda setting theory and international news: A comparative analysis of news articles coverage on Iraq war in Malaysian English newspapers. *SHS Web of Conferences*, 33(81), 1–7. <https://doi.org/10.1051/shsconf/20173300081>
- Kaul, V. (2017). Environmental crisis and the role of media. *International Journal of Trend in Scientific Research and Development*, 1(4), 684–697. <https://doi.org/10.31142/ijtsrd2217>
- Lumsden, L. J. (2013). How independent? An analysis of GE13 coverage by Malaysia's online news portal coverage. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 29(2), 1–30.

- McCombs, M., & Shaw, D. (1972). The agenda-setting function of mass media. *The Public Opinion Quarterly*, 36(2), 176–187. <https://doi.org/10.4324/9781315538389>
- Muhamad Mat Yakim, Shafizan Mohamed, & Kamaruzzaman Abdul Manan. (2019). Agenda setting by the Malay online newspapers during the Semenyih by-election. *International Journal of Law, Government and Communication*, 4(17), 121–131. <https://doi.org/10.35631/ijlgc.4170012>
- Nain, Z. (2022). *Digital news report: Malaysia*. <https://www.digitalnewsreport.org/survey/2019/malaysia-2019/>
- Onguny, P. (2019). Alternative media and mediated political participation: A conceptual discussion. *Global Media Journal - Australian Edition*, 13(1).
- Parida, D., Moses, S., & Rahaman, K. R. (2021). Analysing media framing of cyclone Amphan: Implications for risk communication and disaster preparedness. *International Journal of Disaster Risk Reduction*, 59. <https://doi.org/10.1016/j.ijdr.2021.102272>
- Pegu, U. K. (2017). Environment as news: An analysis on the challenges in environmental reporting. *AGU International Journal of Management Studies & Research*, 5.
- Scheufele, D. A. (1999). Framing as a theory of media effects. *Journal of Communication*, 49(1), 103–122. <https://doi.org/10.1111/j.1460-2466.1999.tb02784.x>
- Selvanathan, H. P., & Lickel, B. (2020). How mainstream and alternative media shape public attitudes toward social change: Evidence from two panel studies during Malaysia's democratic transition. *New Media and Society*, 23(12), 3509–3538. <https://doi.org/10.1177/1461444820954355>
- Solman, P., & Henderson, L. (2019). Flood disasters in the United Kingdom and India: A critical discourse analysis of media reporting. *Journalism*, 20(12), 1648–1664. <https://doi.org/10.1177/1464884918762363>
- Sreedharan, C., Thorsen, E., & Sharma, N. (2019). *Disaster journalism: Building media resilience in Nepal* (1st ed.). Bournemouth University, UNESCO Kathmandu. <https://www.aftershocknepal.com/disaster-journalism-book/>
- Stomberg, D. R. (2012). *Disasters in the media: A content analysis of the March 2011 Japan earthquake/tsunami and nuclear disasters* [Colorado State University]. https://minerva-access.unimelb.edu.au/handle/11343/56627%0Ahttp://www.academia.edu/download/39541120/performance_culture.doc
- Teklesilassie, G. (2015). *Environmental issues coverage in the Ethiopian state media : The case of Ethiopian radio and Addis Zemen newspaper*. Addis Ababa University.
- Terracina-Hartman, C. (2019). Love your mother: How one news magazine defined and refined environmental journalism. *Journal of Magazine Media*, 19(1), 44–74. <https://doi.org/10.1353/jmm.2019.0004>
- The Star Online. (2022, January 21). PM: Flood warnings ignored. *The Star*. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2022/01/21/pm-flood-warnings-ignored>
- Thirumalaiah, N., & Aram, A. (2017). Framing of environment in English and Tamil newspapers in India. *Journal of Media and Communication Studies*, 9(1), 1–9. <https://doi.org/10.5897/jmcs2016.0536>
- Yan, Y., & Bissell, K. (2018). The sky is falling: Predictors of news coverage of natural disasters worldwide. *Communication Research*, 45(6), 862–886. <https://doi.org/10.1177/0093650215573861>

- Wilkins, E. J., Miller, H. M., Tilak, E., & Schuster, R. M. (2018). Communicating information on nature-related topics: Preferred information channels and trust in sources. *PLoS ONE*, 13(12), 1–17. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0209013>
- Wimmer, R. D., & Dominick, J. R. (2011). *Mass media research: An introduction* (9th ed.). Wadsworth, Cengage Learning.

* *Corresponding Author*

^{1,2} School of Communication, Universiti Sains Malaysia, 11800 Minden, Pulau Pinang Malaysia